

Bapa durjana dipenjara 20 tahun dan 16 sebatan

KUCHING: Seorang bapa dijatuhi hukuman penjara 20 tahun dan 16 sebatan oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam selepas mengaku bersalah merogol dan melakukan serangan seksual fizikal terhadap anak kandung perempuannya yang berusia 14 tahun.

Tertuduh berusia 35 tahun membuat pengakuan itu sebaik dia didakwa atas dua pertuduhan, dengan pertuduhan pertama dibuat mengikut Seksyen 376B(1) Kanun Keseksan dibaca bersama Seksyen 16(1) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak (SOACA) 2017.

Sementara pertuduhan kedua dibuat mengikut Sek-

syen 14 (a) SOACA 2017 dibaca bersama Seksyen 16 (1) SOACA 2017.

Hakim Musli Ab Hamid menjatuhkan hukuman penjara 18 tahun dan enam sebatan dengan tambahan hukuman penjara dua tahun dan dua sebatan mengikut Seksyen 16(1) SOACA 2017, bagi setiap satu pertuduhan dihadapinya.

Kedua-dua hukuman diperintahkan berjalan serentak berkuat kuasa tarikh sabitan semalam kerana kesalahan dilakukan pada tarikh dan waktu yang sama.

Musli turut memerintahkan tertuduh menjalani kaunseling pemulihan semasa menjalani hukuman penjara serta pengawasan polis selama

dua tahun selesai menjalani hukuman.

Mengikut kedua-dua pertuduhan, tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu sekitar jam 11 malam di ruang tamu kediaman mereka sekeluarga di sebuah kampung di Serian pada 12 Ogos lalu.

Susulan kejadian, mangsa menghubungi ibunya untuk memaklumkan mengenai kejadian itu.

Berikutan itu, mangsa dan ibunya hadir ke Balai Polis Serian untuk membuat laporan sehingga membawa kepada penangkapan tertuduh pada 16 Ogos lalu.

Tertuduh tidak diwakili peguam. Kes disiasat oleh Inspektor Nur Munirah Pardanah.



KE PENJARA: Tertuduh (tengah) diiringi anggota polis semasa berada di lobi Kompleks Mahkamah Kuching semalam.